

PM sedih projek bumiputera 2006 mengalir kepada kaum lain

# 85 peratus kontrak tiris

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

UM-14/2/2007

**BANGI** 13 Feb. - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melahirkan rasa sedih apabila kajian menunjukkan secara purata 85.37 peratus projek yang dilaksanakan oleh kontraktor bumiputera pada tahun 2006 mengalir kepada kaum lain.

Beliau berkata, fakta itu terdapat dalam Kajian Ketirisan Kontraktor Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Kementerian Kerja Raya pada tahun tersebut.

Katanya, situasi yang berlaku itu telah menggagalkan hasrat kerajaan untuk memaju dan memperkasakan kontraktor bumiputera.

"Dalam konteks lebih besar, bukan itu sahaja, malah ia menggagalkan agenda bumiputera yang sangat penting dalam memastikan negara mencapai kemajuan dan kestabilan jangka panjang.

"Bagi saya, mereka ini tidak mahu bekerja, tidak mahu belajar dan ambil mudah peluang diberikan oleh kerajaan. Oleh itu, kesedaran untuk berubah dan belajar memperbaiki diri perlu dipupuk di kalangan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri di Hotel Equatorial di sini malam ini.

Teks ucapan Abdullah dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hasan dan Ketua Pengarah ICU, Tan Sri Khalid Ramli.

Tambah Perdana Menteri, di kalangan pembuat dasar pula, mereka perlu merangka satu kaedah yang mampu membantu dan memperkasakan golongan tersebut.

Dalam pada itu, beliau berkata, tahun ini merupakan tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan kerajaan telah menubuhkan pelbagai jawatankuasa bagi memastikan pelaksanaan projek dapat dilaksanakan dengan lancar.

Katanya, sepanjang tahun 2006 iaitu tahun pertama RMK-9 dilaksanakan, 90.2 pe-

## 85 peratus kontrak tiris

ratus daripada RM39.79 bilion telah dibelanjakan dalam usaha menjayakan rancangan itu.

"Walaupun ada pihak sangsi dengan kemampuan kita tetapi saya melihat jentera kerajaan lebih daripada mampu untuk menjayakan rancangan ini.

"Saya yakin kepimpinan kerajaan dan perkhidmatan awam yang ada pada hari ini mampu melaksanakan segala perancangan yang telah ditetapkan," jelasnya.

Bagaimanapun, beliau mahu setiap jentera kerajaan diperkemas lagi bagi memastikan sistem penyampaian awam mampu ditingkatkan dan oleh itu ICU sendiri mempunyai fungsi menjayakan setiap rancangan kerajaan.

Katanya, ICU perlu memantapkan lagi jentera pemantauan di semua peringkat supaya pencapaian prestasi pelaksanaan RMK-9 akan lebih cemerlang pada tahun-tahun akan datang.

Berhubung pertumbuhan ekonomi negara, beliau berkata, Malaysia diramal

mencapai kadar pertumbuhan ekonomi lebih baik daripada jangkaan awal.

"Pencapaian jumlah dagangan antara-bangsa yang telah mencecah RM1.069 trilion pada awal tahun ini menunjukkan kita bergerak pada hala tuju yang cepat.

"Cuma bagi memastikan arah kita tidak terkeluar daripada sasaran sebenar, kita harus terus giat membangunkan sumber kekuatan meliputi pelbagai bidang daripada sistem penyampaian sektor awam, sektor swasta selain cekap dan mampu meraih peluang dalam dan luar negara," ujarnya.

Beliau berkata, usaha memajukan modal insan juga dipergiatkan sejajar dengan kompetensi dan kapasiti Malaysia ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.

"Dengan cara ini sahajalah, kita dapat memastikan negara akan bergerak ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020 seperti yang diidamkan," tambahnya.